



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BUKU PANDUAN LATIHAN PALUAN ASAS DALAM PERMAINAN REBANA

WAN KAMARUL ARIFFIN BIN WAN TAJULRUDDIN

LAPORAN AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK

MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Laporan projek pembangunan “Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana” ini disediakan bagi memenuhi keperluan kursus APM 6006 dalam Program Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penghasilan produk ini adalah bertujuan untuk menyediakan sebuah bahan sumber pembelajaran khusus untuk mempelajari teknik paluan asas dalam permainan rebana. Untuk mendapatkan data, kajian ini menggunakan kaedah analisa dokumen, temubual dan pemerhatian. Semua data dan maklumat yang diperolehi telah dianalisa, diklasifikasikan mengikut tema dan kategori. Seterusnya maklumat dan data ini dirangka, ditulis dan disusun mengikut keperluan isi kandungan unit-unit pembelajaran. Di samping itu, penghasilan produk ini juga merupakan sumbangan kepada khazanah bahan rujukan muzik khususnya bagi muzik tradisional yang sememangnya sangat diperlukan di negara kita dalam usaha mengekalkan dan memartabatkan seni muzik warisan ini. Dalam memastikan kesesuaian isi kandungan pembelajaran, temu bual telah dijalankan terhadap 2 orang responden yang terdiri daripada 1 orang guru muzik sekolah menengah dan 1 orang tenaga pengajar muzik tradisional di institut pengajian tinggi awam. Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa semua responden bersependapat dan bersetuju dengan semua aspek yang terkandung dalam buku panduan yang dibangunkan. Namun begitu, masih terdapat sedikit kelemahan dalam penghasilannya. Antara cadangan untuk penambahbaikan yang dikemukakan adalah lebih baik jika buku panduan ini disertakan dengan Multimedia Interaktif supaya pelajar dapat mempelajari teknik-teknik paluan asas dalam permainan rebana dengan lebih berkesan secara audio dan visual.





ABSTRACT

The project report for the development of “Buku Panduan Latihan Asas Paluan Dalam Permainan Rebana” is prepared to fulfill the APM6006 course needs for the Master in Music Education Programme, Sultan Idris Education University (UPSI). The objective of developing this product is to provide a specific learning resources in learning a technique of Rebana basic strikings. For data collection, this study employs document analysis, interview and observation methods. All data and information collected was analysed, classified based on themes and categories. The information and data collected was further drafted, written and arranged based on the content of learning units. In addition, producing the module also contributes to the bank of music resources specifically in traditional music that is very much needed in the effort to sustain and enhance the music heritage of the country. In ensuring the suitability of the learning content, interviews were conducted to two respondents comprising a secondary school music teacher and an instructor in traditional music of a public university. The finding from the interview shows that all respondents agreed with all aspects in the content of the developed book. However, there is still room for improvement. Among the suggestions for improvement is that it would have been better if the module is developed with Interactive Multimedia so that students can learn basic techniques of Rebana Striking through audio and visual.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii – iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Projek	1
1.3	Pernyataan Masalah	2
1.4	Tujuan Projek	4
1.5	Objektif Khusus	5
1.6	Kepentingan Projek	5
1.7	Persoalan Projek	6
1.8	Batasan Projek	6
1.9	Definisi Istilah	
1.9.1	Buku Panduan	7
1.9.2	Latihan	8
1.9.3	Paluan Asas	8
1.9.4	Rebana	9
1.10	Kesimpulan	10

BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

2.1	Pengenalan	11
2.2	Mengumpul Maklumat dan Data Berkaitan Rebana	12
2.2.1	Analisa Dokumentasi	12
2.2.2	Temubual	13
2.2.3	Pemerhatian	14
2.2.4	Rakaman Audio dan Video	15



2.3	Mengklasifikasikan Maklumat dan Data Yang Diperolehi Mengikut Tema dan Kategori	16
2.4	Menetapkan Unit Berdasarkan Tema dan Kategori	16
2.5	Merangka, Menulis dan Menyusun Maklumat dan Data Berdasarkan Keperluan Kandungan Unit Yang Telah Ditetapkan	17
2.6	Menyemak, Menyunting, dan Membuat Penambahbaikan Maklumat dan Data Mengikut Kategori dan Kandungan Unit Yang Telah Ditetapkan	19
2.7	Kerangka Kerja Penghasilan Projek	21
2.8	Matrik Pengumpulan Data	22
2.9	Jadual Perancangan Kerja	23
2.10	Kesimpulan	24
BAB 3	HURAIAN PRODUK	
3.1	Pengenalan	25
3.2	Bentuk dan Objektif Produk Yang Dibangunkan	26
3.3	Isi Kandungan Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana	27
3.3.1	Bahagian Pengetahuan Asas Mengenai Rebana	30
3.3.2	Bahagian Amali Teknik Paluan Asas Dalam Permainan Rebana	31
3.3.3	Bahagian Paluan Asas Rentak Irama Tradisional Melayu	32
3.4	Rumusan	32
BAB 4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN PRODUK	
4.1	Pengenalan	34
4.2	Latar Belakang Responden	34
4.3	Analisa Dapatan Temubual	36
4.3.1	Pengalaman Sebagai Guru atau Tenaga Pengajar	37
4.3.2	Kesesuaian buku panduan ini dalam penggunaannya secara pembelajaran sendiri	37
4.3.3	Tanggapan awal responden terhadap 'Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana' dan penggunaannya sebagaibahan sumber pengajaran dan pembelajaran teknik dan paluanasas bermain rebana	38
4.4	Rumusan	39

**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	40
5.2	Ringkasan Produk	41
5.2.1	Bahagian Awalan	41
5.2.2	Bahagian Teks	41
5.2.3	Bahagian Akhiran	42
5.3	Fungsi Produk	44
5.4	Sasaran Pengguna	45
5.5	Kekuatan dan Kelemahan Produk	45
5.5.1	Kekuatan	46
5.5.2	Kelemahan	47
5.6	Cadangan Penambahbaikan	47
5.7	Rumusan	48

RUJUKAN	50
LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Matrik Pengumpulan Data	22
2.2 Jadual Cadangan Kerja	23
3.1 Unit Pembelajaran ‘Buku Panduan Latihan Asas Paluan Dalam Permainan Rebana’	29
4.1 Latar belakang responden	36
5.1 Isi Kandungan ‘Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana’	44



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

2.1 Model Kerangka Kerja Menghasilkan Projek

21



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Bab 1 ini akan membincangkan dan menghuraikan tentang beberapa perkara utama dalam projek ini iaitu latar belakang, tujuan projek, kepentingan projek, persoalan projek, batasan projek dan definisi projek.

1.2 Latar belakang projek

Rebana merupakan alat muzik tradisional yang telah lama wujud di Malaysia. Dalam ensembel muzik tradisional atau muzik sinkretik yang melibatkan pelbagai jenis muzik vokal, tarian dan teater seperti dondang sayang, lagu melayu asli, zapin, inang, keroncong, joget dan bangsawan, alat muzik rebana merupakan instrumen yang penting kerana ia berperanan untuk memainkan rentak sesebuah lagu tersebut. Seni muzik ini seharusnya diwarisi permainannya dan dihargai kewujudannya agar ianya



tidak pupus ditelan zaman. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Kurikulum Pendidikan Muzik yang mahu seni muzik tradisional dipelajari di sekolah merupakan usaha untuk mengekalkan warisan seni muzik ini. Di kebanyakan sekolah menengah di Malaysia, ramai guru muzik memilih untuk mengajar muzik tradisional seperti kompang, gamelan melayu dan caklempong kerana terdapatnya bahan sumber pengajaran bagi ensembel ini. Kekurangan bahan sumber pengajaran khususnya bagi permainan rebana ini menyebabkan ianya tidak menjadi pilihan guru-guru muzik untuk diajar di sekolah. Oleh yang demikian projek membangunkan 'Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana' yang dilaksanakan ini diharap boleh digunakan sebagai bahan panduan khusus untuk mempelajari teknik paluan asas dalam permainan rebana. Selain itu, projek ini secara tidak langsung dapat menambah koleksi dokumentasi bahan-bahan pembelajaran khususnya bagi alat-alat muzik tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Permasalahan kajian dapat dicungkil menerusi beberapa aspek seperti permasalahan dari sudut kewujudan sumber rujukan dan bahan pengajaran muzik tradisional, metod pengajaran yang sesuai dan juga bagaimana untuk menghasilkan bahan pengajaran yang sesuai khusus untuk permainan alat muzik rebana.

Situasi pendidikan muzik di negara kita menghadapi masalah kekurangan bahan sumber pengajaran dan pembelajaran seperti buku-buku panduan latihan terutama berkaitan dengan muzik tradisional. Ini menyebabkan sukatan pendidikan muzik di negara kita lebih berpaksikan pembelajaran elemen-elemen alat muzik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

muzik barat berbanding alat muzik tradisi kita. Tidak dinafikan sememangnya masih wujud usaha-usaha mendidik anak tempatan dalam permainan alat muzik tradisi tetapi ianya bukan wujud dalam arus perdana dunia pendidikan. Dengan menggunakan kaedah 'rote method', aktiviti permainan alat muzik tradisi ini hanya wujud di kampung-kampung yang masih mengangkat seni muzik tradisi ini. Seperti yang dikatakan oleh etnomuzikologis;

“ ...walaupun ada proses latihan dalam cara memainkan alat-alat muzik, proses itu dilaksanakan dengan menggunakan cara atau kaedah peniruan (rote method), tetapi idea profesionalisme boleh diwujudkan dalam tradisi muzik rakyat..”

(Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng 1998, hlm. 2).

Berdasarkan apa yang dikatakan oleh etnomuzikologis di atas, adalah wajar diwujudkan bahan sumber pengajaran dan pembelajaran khusus untuk permainan alat muzik tradisional. Salah satu alat muzik tradisional yang mempunyai fungsi yang penting dalam ensembel muzik melayu tradisional dan ensembel muzik *sinkretik* adalah rebana. Dalam skop kajian ini hanya berfokus pada rebana asli. Keistimewaan alat muzik rebana ini yang boleh menghasilkan pelbagai jenis variasi bunyi ton atau 'timbre' melalui pelbagai rentak ini perlu dikaji dan didokumentasikan teknik-teknik permainannya. Sehingga kini bahan sumber pengajaran dan pembelajaran kaedah dan teknik-teknik asas permainan rebana masih belum wujud. Oleh yang demikian projek membangunkan 'Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana' yang akan dibangunkan ini merupakan usaha untuk menyediakan bahan panduan khusus bagi mempelajari cara-cara permainan rebana. Tumpuan kepada teknik dan latihan untuk menghasilkan bunyi ton atau 'timbre' yang berkualiti bagi mnemonik 'gong', 'tak', 'bung' dan 'pang' merupakan fokus utama dalam buku panduan ini.

Berdasarkan pengalaman pengkaji, ramai yang boleh memainkan rentak-rentak tradisional melayu seperti asli, inang, joget, zapin dan inang tetapi kebanyakannya mempunyai kelemahan dalam menghasilkan pelbagai variasi bunyi ton atau 'timbre' semasa memainkan rentak.

Oleh yang demikian, satu buku panduan mengenai teknik paluan asas dalam permainan rebana asli ini perlu diwujudkan. Pengisian aktiviti dalam buku panduan ini perlu dirancang dengan teliti dengan mengambilkira teori-teori pengajaran dan pembelajaran supaya objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

1.4 Tujuan Projek

Tujuan projek pembangunan 'Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana' ini adalah:

- i. Menyediakan sebuah buku panduan yang khusus untuk latihan paluan asas dalam permainan rebana dengan penggunaan notasi barat.
- ii. Meninjau respon pendidik muzik terhadap buku panduan yang dibangunkan.

1.5 Objektif Khusus



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

‘Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana’ dibangunkan khusus untuk objektif-objektif berikut:

- i. Membolehkan pelajar samada di peringkat sekolah, kolej dan universiti mempelajari paluan-paluan asas bermain rebana.
- ii. Membantu pemain baharu untuk menguasai teknik bermain rebana seperti postur, penalaan dan teknik paluan yang betul.

1.6 Kepentingan Projek



Penghasilan buku panduan ini adalah untuk memenuhi beberapa keperluan dan kepentingan iaitu :



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- i. Menjadi sumber rujukan untuk mempelajari latihan paluan asas dalam permainan rebana.
- ii. Membantu guru muzik dan tenaga pengajar muzik melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran asas permainan rebana dengan lebih berkesan.
- iii. Menambah bahan rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran yang khusus bagi permainan rebana.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- iv. Memartabatkan alat muzik rebana sebagai alat muzik tradisional yang harus diwarisi dan dikekalkan sebagai warisan bangsa Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.7 Persoalan Projek

Projek ini akan menjawab persoalan tentang perkara-perkara berikut :

- i. Apakah kandungan yang sesuai untuk Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana?
- ii. Bagaimanakah isi kandungan Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana distrukturkan untuk membolehkan pelajar menguasai teknik dan paluan asas dalam permainan rebana?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.8 Batasan Projek

Projek ini dibataskan kepada dua aspek utama iaitu proses pengumpulan maklumat dan proses membangunkan buku panduan. Pengumpulan maklumat mengenai alat muzik rebana khususnya rebana asli akan dikaji dari sudut sejarah, fungsi dan peranannya dalam ensembel muzik tradisional atau muzik sinkretik, ornologi, penjagaan dan teknik-teknik permainan yang betul. Kemudian projek ini akan diteruskan dengan membangunkan sebuah buku panduan latihan paluan asas dalam permainan rebana yang memberi penekanan kepada penghasilan ton (*timbre*) bagi mnemonik *gong*, *tak*, *bung* dan *pang* yang baik dan berkualiti. Penekanan terhadap penghasilan ton (*timbre*) adalah kerana alat muzik rebana ini boleh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

menghasilkan pelbagai jenis bunyi ton yang berbeza dengan kaedah paluan yang berbeza. Setiap *timbre* memerlukan teknik paluan yang betul dan konsisten supaya bunyi yang terhasil mempunyai kualiti yang baik. Selain itu, buku panduan ini juga disertakan dengan permainan corak irama paluan asas bagi rentak inang, asli, zapin, masri dan joget. Untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, latihan-latihan paluan dalam buku panduan ini akan menggunakan sistem notasi barat.

1.9 Definisi Istilah

Di dalam projek ini terdapat penggunaan beberapa istilah yang memerlukan kepada penjelasan definisinya. Antaranya ialah buku panduan, latihan, paluan asas dan rebana.

1.9.1 Buku Panduan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2008), buku panduan didefinisikan sebagai buku yang digunakan sebagai panduan untuk mengerjakan sesuatu. Maka dapat dirumuskan bahawa buku panduan merupakan satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah dibahagikan kepada beberapa subtopik tertentu dan susunan setiap subtopik tersebut mempunyai perkaitan atau kesinambungan antara satu sama lain. Ia adalah berupa bahan samada untuk sesuatu kursus, mata pelajaran, latihan dan lain-lain yang dilaksanakan secara tersendiri untuk mencapai sesuatu kemahiran. Dalam konteks pembangunan produk ini, buku panduan ini merupakan suatu usaha untuk menghasilkan sebuah buku yang boleh dijadikan panduan untuk aktiviti latihan-latihan paluan asas dalam permainan alat muzik rebana. Sebuah buku panduan itu

memandu pelajar untuk mempelajari sesuatu kemahiran secara sistematik dan dapat membantu seseorang pelajar itu menguasai kemahiran dengan mudah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.9.2 Latihan

Menurut Oxford Advanced Learner's Dictionary (2003), latihan ditakrifkan dalam dua pendefinisian. Definisi pertama menjelaskan latihan merupakan satu proses pembelajaran kemahiran-kemahiran yang diperlukan seseorang untuk melaksanakan tugasnya. Manakala definisi kedua menyatakan latihan sebagai proses persediaan untuk turut serta dalam satu-satu pertandingan sukan dengan membuat persediaan fizikal. Selain itu, menurut Kamus Dewan, Edisi 2, 2002 pula mentakrifkan latihan adalah dari kata dasar latih, iaitu : Ajaran, tunjuk ajar dan sebagainya yang diulang-ulang untuk menjadikan orang yang diajar atau dibimbing itu benar-benar mahir.



Dalam konteks pembangunan produk ini, penjelasan mengenai istilah latihan

menjurus kepada penghasilan aktiviti-aktiviti kemahiran latihan paluan asas dalam permainan rebana yang perlu dikuasai oleh pemain khususnya pemain baharu. Latihan-latihan paluan yang bersifat amali ini akan disusun mengikut aras kemahiran secara berperingkat dengan setiap satunya ditentukan dengan objektif yang jelas.

1.9.3 Paluan Asas

Paluan merujuk kepada aktiviti memalu atau memukul sesuatu dengan tapak tangan atau dengan menggunakan alatan. Dalam permainan rebana, paluan asas merujuk kepada teknik-teknik yang digunakan untuk menghasilkan bunyi paluan rebana yang betul. Menurut Shuzaidi Shamsuddin (2011), Rebana perlu dimainkan mengikut



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

teknik yang betul agar menghasilkan bunyi yang estetik. Dalam konteks penulisan ini paluan asas dapat diterjemahkan sebagai satu kemahiran bermain rebana yang perlu dikuasai oleh seseorang pemain rebana khususnya bagi pemain-pemain baharu. Secara dasarnya, latihan paluan asas adalah latihan untuk menghasilkan ton atau *timbre* yang dibunyikan dalam mnemonik 'gong', 'tak', 'bung' dan 'pang' perlu dikuasai dengan baik sebelum seseorang pemain rebana itu mula mempelajari permainan rentak-rentak yang terdapat dalam ensembel muzik tradisional atau muzik *sinkretik* seperti rentak asli, inang, masri, zapin dan joget.

1.9.4 Rebana

Menurut Kamus Pelajar, Edisi Kedua (2008), rebana didefinisikan sebagai gendang yang hanya sebelah saja dipasang kulit. Diklasifikasikan sebagai alat muzik dalam keluarga *membranofon* ini dikenali juga dengan nama Rebana Asli, Rebana Medan atau Rebana Joget. Sejenis gendang satu muka yang mempunyai bentuk seperti pasu (*potted type*) ini dibuat dengan menggunakan kayu, kulit binatang, dan rotan. Lazimnya kayu nangka digunakan untuk membuat badan atau baluh rebana manakala kulit kambing digunakan untuk membuat bahagian muka rebana. Alat muzik ini dimainkan dengan menggunakan teknik paluan tangan untuk menghasilkan bunyi ton (*timbre*) yang berbeza. Secara asasnya sebuah rebana boleh menghasilkan empat jenis bunyi atau *timbre* yang diperjelaskan dengan mnemonik 'gong', 'tak', 'bung' dan 'pang'. Namun begitu, seseorang pemain rebana yang berpengalaman boleh menghasilkan lebih banyak jenis *timbre* dengan menggunakan pelbagai teknik paluan dan permainan. Nik Mustapha Nik Mohd. Salleh (2009) menyatakan peranan rebana dalam ensembel muzik tradisional atau muzik sinkretik adalah sebagai penyokong

irama dengan pola-pola paluan yang dapat dikategorikan sebagai irama asas (*basic*), irama penambahan (*additive*) dan irama menyilang (*cross rythme*). Peranannya memainkan rentak lagu menjadikan rebana sebagai alat muzik penting dalam ensembel muzik tradisional atau muzik sinkretik seperti ensembel tradisional muzik asli, inang, masri, zapin dan joget.

1.10 Kesimpulan

Bab ini telah membincang dan memperjelaskan berkaitan dengan latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, persoalan, kepentingan dan batasan projek. Fokus utama projek ini adalah untuk membangunkan sebuah buku panduan yang mengandungi aktiviti latihan-latihan paluan asas dalam permainan rebana dengan memberikan penekanan terhadap teknik penghasilan ton atau *timbre* yang menggunakan mnemonik ‘gong’, ‘tak’, ‘bung’ dan ‘pang’. Di samping itu, pelajar atau pengguna buku panduan ini juga akan didedahkan kemahiran bermain rebana dengan menggunakan sistem notasi barat serta pengenalan kepada rentak-rentak asas inang, asli, masri, zapin dan joget. Penggunaan notasi barat digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran bagi memudahkan proses latihan dan dapat meningkatkan keupayaan pemain untuk menguasai kemahiran membaca notasi. Hasil daripada projek ini diharapkan dapat membantu dan menjadi panduan untuk para guru, pelajar, penggiat seni atau individu perseorangan yang ingin mempelajari asas-asas permainan rebana. Seterusnya penghasilan buku panduan ini juga dapat menjadi sumber rujukan dan juga sebagai langkah pendokumentasian bahan-bahan rujukan muzik tradisional. Ia juga boleh dilihat sebagai satu usaha agar kelestarian seni muzik tradisi yang wujud di negara ini terus berkembang dan berkekalan.



BAB 2

PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

2.1 Pengenalan



Bab ini akan membincangkan prosedur membangunkan ‘Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana’. Beberapa prosedur dan langkah telah disenaraikan dalam proses menghasilkan produk ini iaitu:

- 2.1.1 Mengumpul maklumat dan data berkaitan rebana.
- 2.1.2 Mengklasifikasikan maklumat dan data yang diperolehi mengikut tema dan kategori.
- 2.1.3 Menetapkan unit berdasarkan tema dan kategori.
- 2.1.4 Merangka, menulis dan menyusun maklumat dan data berdasarkan keperluan kandungan unit yang telah ditetapkan.



2.1.5 Menyemak, menyunting dan membuat penambahbaikan maklumat dan data mengikut kategori dan kandungan unit yang telah ditetapkan.

2.2 Mengumpul maklumat dan data berkaitan rebana

Dalam proses mengumpul maklumat dan data berkaitan rebana, penulis menggunakan beberapa kaedah pengumpulan maklumat. Maklumat-maklumat yang diperolehi dalam proses ini merupakan data sekunder dan data primer yang akan dianalisis dan diklasifikasikan mengikut tema dan kategori untuk membina kandungan unit yang telah ditetapkan. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data bagi membangunkan buku panduan ini adalah:

2.2.1 Analisa dokumentasi

Dalam proses ini, penulis mengumpul maklumat dan data mengenai rebana yang terdapat dalam bahan-bahan rujukan seperti buku dan penulisan ilmiah samada dalam bentuk jurnal atau tesis. Sumber maklumat yang merupakan data sekunder ini diperolehi daripada bahan-bahan rujukan di perpustakaan dan juga melalui laman-laman web yang berkaitan. Pengumpulan maklumat dan data mengenai rebana ini melalui analisa dokumentasi ini memberi tumpuan kepada aspek sejarah, peranan, perkembangan serta teknik-teknik permainan.

Kaedah temubual merupakan salah satu kaedah untuk mengumpul maklumat yang diperlukan untuk membangunkan modul ini. Kaedah temubual ini boleh dikategorikan mengikut temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Bagi tujuan pengumpulan maklumat yang merupakan data primer ini, penulis memilih untuk menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Kaedah ini adalah lebih sesuai untuk mendapatkan maklumat kerana proses temubual menjadi lebih fleksibel. Sesi temubual yang berjalan dalam suasana yang ramah dan tidak terikat bukan sahaja membolehkan pengumpulan maklumat penting bahkan informan juga dapat memberikan maklumat-maklumat tambahan yang boleh meningkatkan lagi pemahaman terhadap sesuatu aspek yang diperlukan. Selain itu penulis juga boleh bertanyakan soalan yang tidak disenaraikan mengikut keperluan semasa temubual dijalankan.

Untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah ini, Encik Mohd. Kamrulbahri Bin Hussin yang bertugas sebagai pensyarah muzik tradisional di Uitm, Shah Alam dan juga aktif sebagai penggiat seni muzik tradisional telah dipilih sebagai informan. Dengan jawatan sebagai Sarjana Kreatif Tersohor di Fakulti Muzik, UiTM, kepakaran dan kemahiran beliau dalam seni muzik tradisional terutama dalam pengendangan merupakan faktor utama yang membuatkan beliau dipilih sebagai informan dalam sesi temubual ini. Dalam sesi temubual ini, antara soalan-soalan yang dikemukakan berdasarkan kepada:

- i. Sejarah rebana.
- ii. Organologi rebana.
- iii. Penjagaan rebana.
- iv. Penalaan rebana.
- v. Postur semasa bermain rebana.
- vi. Paluan-paluan asas rebana.
- vii. Teknik untuk menghasilkan paluan-paluan asas.
- viii. Latihan-latihan paluan asas yang diperlukan oleh pemain baru.

2.2.3 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan oleh pengkaji kerana maklumat dan data boleh diperolehi tanpa melibatkan sebarang komunikasi dengan subjek. Maklumat dan data yang diperolehi melalui penglibatan diri secara langsung dalam suasana kajian dengan menggunakan kaedah pemerhatian turut serta (*participant observation*). Kaedah ini digunakan untuk memerhatikan tingkah laku subjek berdasarkan keperluan tema dan kategori yang telah dirancang. Menurut Kerlinger (1973), kategori-kategori pemerhatian memperincikan ciri-ciri tingkah laku yang perlu diperhatikan dan direkodkan.

Pemerhatian terhadap teknik asas dalam permainan rebana dilakukan sewaktu sesi temubual semasa informan melakukan demonstrasi paluan rebana. Tumpuan pemerhatian tingkah laku informan semasa melakukan demonstrasi direkodkan untuk proses analisis data berkaitan teknik permainan dan paluan rebana.

2.2.4 Rakaman Audio dan Video

Pengkaji juga menggunakan kaedah rakaman video dan audio bagi mengumpul maklumat dan data yang diperlukan. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), rakaman video ataupun kamera video, dan perakam suara merupakan alatan-alatan yang boleh digunakan semasa membuat pemerhatian. Melalui rakaman video ia boleh mengelakkan masalah lupa atau kehilangan sumber maklumat yang penting. Antara kelebihan lain menggunakan kaedah rakaman video ini membolehkan ianya ditonton dan diperdengarkan secara berulang kali untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan dengan proses pembangunan ‘Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana’.

Rakaman video demonstrasi permainan rebana oleh informan dilakukan dan rakaman audio semasa sesi temubual juga dibuat untuk membolehkan penulis menganalisa segala maklumat dan data dengan sempurna.

2.3 Mengklasifikasikan maklumat dan data yang diperolehi mengikut tema dan kategori

Prosedur ini merupakan proses dimana segala maklumat dan data yang telah dikumpulkan akan dianalisis sebelum diklasifikasikan mengikut tema dan kategori bagi pembangunan ‘Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana’. Bagi menghasilkan sebuah buku panduan yang baik, maklumat dan data yang telah dianalisa perlu diklasifikasikan mengikut keperluan tema dan kategori yang telah ditetapkan. Proses ini merupakan langkah penting kerana maklumat dan data yang telah diklasifikasikan ini seterusnya akan disusun mengikut keperluan dan kesesuaian kandungan unit yang ditetapkan dalam buku panduan ini.

2.4 Menetapkan unit berdasarkan tema dan kategori

‘Buku Panduan Latihan Paluan Asas Dalam Permainan Rebana’ yang dibangunkan dalam merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk media cetak ini akan digunakan sebagai bahan atau sumber pengajaran dan pembelajaran paluan asas rebana. Penetapan topik-topik atau unit-unit kemahiran merupakan elemen terpenting untuk membolehkan buku panduan ini mencapai standard kompetensi yang diharapkan. Menurut Ngadirin (2003), modul merupakan satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah dibahagikan kepada beberapa subtopik tertentu dan susunan setiap subtopik tersebut mempunyai perkaitan atau kesinambungan antara satu sama lain. Ia adalah berupa bahan samada untuk sesuatu kursus, mata pelajaran, latihan dan lain-lain yang dilaksanakan secara tersendiri untuk mencapai sesuatu kemahiran.